



08 DEC, 2021

Teknologi pintar GreenKit berharga serendah RM50

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 3

GreenKit dibangunkan MARDI membolehkan penggunaan teknologi pintar dalam pertanian dengan modal serendah RM50

Nasional 17





08 DEC, 2021

Teknologi pintar GreenKit berharga serendah RM50



Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Teknologi pintar GreenKit berharga serendah RM50

Sistem tanaman dalam bekas khas diperkenal MARDI sejak 2012

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Serdang: Teknologi pintar dalam bidang pertanian mampu digunakan siapa sahaja dengan hanya modal serendah RM50.

Memberikan contoh teknologi pertanian pintar GreenKit, yang dibangunkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), ia boleh dibeli pada harga RM50 hingga

RM70, bagi menggalakkan orang ramai bercucuk tanam.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani, berkata penggunaan teknologi pertanian pintar tidak semestinya membabitkan teknologi besar, canggih dan mahal, sebaliknya ia merujuk kepada kaedah baru selain konvensional.

Mengulas lanjut, beliau berkata, teknologi pertanian pintar GreenKit, iaitu sistem penanaman di dalam bekas direka khas, sudah lama diperkenalkan iaitu sejak 2012.

GreenKit membolehkan air dibekalkan kepada tanaman secara sendiri (*self watering container*), sekali gus mengatasi masalah penyiraman yang kerap.

"Teknologi pertanian pintar tidak mahal. Bila bercerita me-

ngenai teknologi itu, ada orang beranggapan ia menggunakan robot dan sistem automatik. Sebab itu mahal.

"Contoh kita wujudkan GreenKit pada 2012 lagi. Tetapi sampai sekarang, masih ada orang tidak sedar kewujudan inovasi itu. Bila MARDI buat pelancaran GreenKit untuk tanam sayur untuk kegunaan sendiri, berita mengenai inovasi itu 'hangat' sekejap. Selepas itu, orang tak ambil peduli."

"GreenKit boleh dibeli pada harga RM50 hingga RM70. Bekas plastik tak mudah reput kerana boleh tahan di antara lima tahun hingga 10 tahun. Dengan model serendah itu, boleh tanam dan tinggal. Jika air kurang, kita isi semula. Ini contoh teknologi pintar," katanya kepada BH.



Dr Khalisanni (kiri) dan Dr Mohd Nazrul Hisham bersama Anugerah Kecemerlangan Ahli Kimia Muda 2021 serta Anugerah Kecemerlangan Makmal 2021 di Ibu Pejabat MARDI, Serdang.

(Foto Azhar Ramli/BH)

Beliau berkata demikian selepas sidang media susulan kempenan MARDI menggodol dua anugerah Institut Kimia Malaysia (IKM), iaitu Anugerah Kecemerlangan Makmal 2021 dan Anugerah Kecemerlangan Ahli Kimia Muda 2021 (Industri).

Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Penyelidikan Bioteknologi & Nanoteknologi MARDI, Dr Khalisanni Khalid memenangi Anugerah Kecemerlangan Ahli Kimia Muda 2021 dan Anugerah Kecemerlangan Makmal 2021 dengan seliaan Timbalan Pengarah

Program Perkhidmatan Analisis merangkap Pegawai Penyelidik Kanan MARDI, Dr Mohd Nazrul Hisham Daud.

Bagi golongan yang tidak berkecukupan, Mohamad Zabawi berkata, MARDI akan memohon geran daripada kerajaan untuk sebarluaskan teknologi dibangunkannya kepada golongan sasar.

Memberi contoh projek Urban Kit di Masjid Al-Hasanah, Bangi, beliau berkata, MARDI memperoleh peruntukan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).



08 DEC, 2021

Teknologi pintar GreenKit berharga serendah RM50

Berita Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

GreenKit dibangunkan MARDI membolehkan penggunaan teknologi pintar dalam pertanian dengan modal serendah RM50 Nasional 17

Sistem tanaman dalam bekas khas diperkenal MARDI sejak 2012

Serdang: Teknologi pintar dalam bidang pertanian mampu digunakan siapa sahaja dengan hanya modal serendah RM50. Memberikan contoh teknologi pertanian pintar GreenKit, yang dibangunkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), ia boleh dibeli pada harga RM50 hingga

RM70, bagi menggalakkan orang ramai bercucuk tanam.